05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CADANGAN TERHADAP PEMBINAAN UJIAN KEMAHIRAN MENDENGAR BAHASA MELAYU TINGKATAN SATU

KHAIRUL AZHAR MOHD ZAHARI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROJEK SARJANA BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku penulisan ini hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

18.04.2005

Tanda tangan : 

Nama : KHAIRUL AZHAR MOHD ZAHARI

No. Pendaftaran : 2003-01013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the writing in this project paper is my own expect for quotations and summaries which have been duly acknowledge.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

18.04.2005

Signature :

Name : KHAIRUL AZHAR MOHD ZAHARI

Registration no. : 2003-01013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan keizinan-Nya saya dapat menyempurnakan penulisan kertas projek ini yang berjudul **" Cadangan Terhadap Pembinaan Ujian Kemahiran Mendengar Bahasa Melayu Tingkatan Satu "** bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

Rakaman penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Sulaiman Masri selaku penyelia kertas projek ini yang banyak membimbing saya menyiapkan kertas projek. Tunjuk ajar, panduan, pendapat, perangsang serta semangat daripada beliau tanpa henti untuk saya menulis kertas projek ini dengan sebaik mungkin menguatkan semangat saya.

Terima kasih juga buat semua pensyarah bahasa Melayu di Fakulti Bahasa iaitu Prof. Asmah Haji Omar, Prof. Abdullah Hassan, Prof. Abdul Hamid Mahmood, En. Idris Mohd Radzi, dan En. Ahmad Khair Mohd Noor. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pustakawan Universiti Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Razak, Ipoh dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Paling utama kepada isteriku, Aziam Abu Bakar, anak-anakku iaitu Wani, Effa dan Atiq serta ibuku dan keluargaku tersayang, terima kasih kerana kerjasama, pengorbanan dan memahami keadaan yang dihadapi semasa proses menyempurnakan kertas projek ini.

Akhir kata, sekalung doa untuk semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan kertas projek ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Setiap pengorbanan kukenang sampai bila-bila.

KHAIRUL AZHAR MOHD ZAHARI
2003-01013
Program Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu),
Fakulti Bahasa,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak darul Ridzuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini mengemukakan satu set ujian kemahiran mendengar tingkatan satu dan mencari indeks kesukaran serta indeks diskriminasi soalan ujian tersebut. Kemahiran mendengar ini dipilih kerana kemahiran mendengar sering kali diabaikan berbanding dengan kemahiran lisan, membaca, dan menulis. Kajian ini mengunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan penganalisisan data. Soalan yang dikemukakan mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu meliputi puisi, kefahaman petikan, penanda wacana, simpulan bahasa, penjodoh bilangan, analisis ayat, penggunaan imbuhan, kata ganda, ganti nama diri, kata depan, perkataan berlawan, dan perkataan seerti. Dapatan kajian ini menunjukkan set soalan (50 item) yang dibina terdiri daripada Aras Kognitif Bloom iaitu aras pengetahuan (14%), pemahaman (50%), dan aplikasi (36%). Tajuk yang dipilih berdasarkan sukatan pelajaran bahasa Melayu Tingkatan satu iaitu menjawab soalan daripada bunyi yang diperdengarkan (6%), menjawab soalan daripada petikan yang diperdengarkan (22%), menjawab soalan daripada puisi yang diperdengarkan (12%), dan tatabahasa (60%). Indeks kesukaran keseluruhan item ialah 0.706 dan ini menunjukkan item soalan tersebut berada dalam paras 'sederhana' kerana 64% pengambil ujian dapat menjawab betul. Bab 1 memperkatakan penyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, batasan kajian, soalan kajian, pengertian konsep dan kesimpulan. Bab 2 memperlihatkan kajian terdahulu pengkaji tempatan dan pengkaji luar negara serta kerangka koseptual kajian ini. Bab 3 memaparkan tentang metodologi, iaitu kaedah kajian, sampel kajian, pengumpulan data, dan penganalisisan data. Bab 4 melaporkan dapatan yang diperoleh, manakala Bab 5 pula ialah perbincangan kajian di samping memberi saranan untuk kajian seterusnya. Kesimpulannya, menjadi harapan pengkaji agar kajian ini dapat memperkembangkan bentuk ujian kemahiran berbahasa sebagai satu alternatif kepada guru mahupun Kementerian Pelajaran dalam membuat penilaian terhadap pemahaman pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This research forwards one set of listening skill test and therefore finding the difficulty level and discrimination level of the test questions. Listening skill is selected since it is frequently neglected in classrooms in compared to reading, writing and speaking skills. This research applies library research and data analysis method. Questions forwarded conform to the form one syllabus inclusive of poems, comprehension, idioms, collective nouns, sentence analysis, prefixies and suffixies, plurals, prepositions, antonyms and synonyms. The findings show the questions set (50 items) consist of the Cognitive Bloom Level that are the knowledge level (14%), comprehension (50%) and application (36%). Topics selected are based on the form one bahasa Melayu syllabus, where students use their listening skill to answer questions based on sounds (6%), texts (22%), poems (12%) and grammar (60%). The overall difficulty index of the item is 0.706 and this show the questions item is at medium level where 64% of the respondents successfully answered the questions correctly.The first chapter identifies the problem, objective of the research, importance of the research, methods, limitations, research questions, concept definition, and conclusion. Chapter Two looks into previous researches from local and foreign researches, together with the conceptual frame. Chapter Three displays the methodology, that is the method of research, sample, data gathered and data analysis. Chapter Four reports the data gathered and the outcome of the analysis, while Chapter Five is mainly on the research discussion and the proposal for upcoming researches. In conclusion, it is hoped that this research will benefit the teachers as well as the Education Ministry in varifying the type of questions for language skills test as an alternative for assessment of understanding.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Isi	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan	1
1.2.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2.2 Pembinaan Ujian kemahiran mendengar	4
1.2.3 Penyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Soalan Kajian	8
1.7 Definisi Konsep	9
1.7.1 Pembinaan	9
1.7.2 Ujian	9

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Kemahiran 10

1.7.4 Mendengar 10

1.7.5 Bahasa Melayu 10

1.8 Rumusan 10

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 12

2.2 Kemahiran Mendengar 12

2.3 Kajian Pemahaman Mendengar di Barat 14

2.4 Kajian Pemahaman Mendengar di Malaysia 15

2.5 Kajian Ciri Ujian Yang Baik 17

2.5.1 Kesahan 18

2.5.2 Kebolehpercayaan 19

2.5.3 Keobjektifan 21

2.5.4 Kekomprehensifan 22

2.5.5 Kemudahtadbiran 23

2.5.6 Taksonomi Kognitif Bloom 24

2.5.7 Jadual Penentuan Ujian 25

2.6 Kajian Pembinaan Ujian 31

2.6.1 Kajian Format Ujian 33

2.6.2 Kajian Bentuk Soalan Aneka Pilihan 34

2.6.3 Kajian Kepayahan Penyusunan Butiran 35

2.6.4 Kajian Peruntukan Masa 36

2.6.5 Kajian Arahan Kepada Calon Ujian 37

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.6 Kajian Suasana Ujian 39

2.6.7 Kajian Kemahiran Bahasa 40

2.7 Kerangka Konseptual Kajian Ini 42

2.8 Rumusan 43

BAB III METODOLOGI

3.1 Pengenalan 45

3.2 Kaedah Kajian 45

3.3 Populasi dan Sampel Kajian 46

3.4 Prosedur Pengumpulan Data 46

3.4.1 Prosedur Semasa Pembinaan Item Ujian Mendengar 47

3.4.2 Pembinaan Set Ujian Kemahiran Mendengar 49

3.5 Prosedur Penganalisisan Data 49

3.5.1 Indeks Kesukaran dan Indeks Diskriminasi 50

3.5.1.1 Indeks Kesukaran 50

3.5.1.2 Indeks Diskriminasi 52

3.6 Kesimpulan 58

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 59

4.2 Dapatan Kajian 59

4.2.1 Soalan Kajian Satu 60

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Soalan Kajian Dua 61

4.2.3 Soalan Kajian Tiga 72

4.2.3.1 Analisis Indeks Kesukaran 73

4.2.3.2 Analisis Indeks Diskriminasi 74

4.3 Rumusan 79

BAB V PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 80

5.2 Perbincangan 80

5.3 Cadangan 83

5.3.1 Cadangan Memperbaiki Kelemahan 83

5.3.2 Cadangan Penulisan Dan Penyelidikan Selanjutnya. 84

5.4 Penutup 85

Bibliografi 86

Lampiran 87

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

	Jadual	Muka Surat
1.1	Kemahiran Asas Membaca	3
2.1	Contoh Jadual Penentuan Ujian	27
2.2	Aras Kesukaran Soalan	29
2.3	Perbandingan Indeks Kebolehpercayaan Ujian Aneka Pilihan dan Ujian Esei	34
2.4	Kerangka Konseptual Kajian	42
3.1	Contoh Jadual Penentuan Ujian Kemahiran Mendengar	48
3.2	Jadual Indeks Kesukaran	51
3.3	Contoh Senarai Pelajar Mengikut Pencapaian	54
3.4	Contoh Jadual Indeks Diskriminasi	56
3.5	Contoh Jadual Ringkasan Indeks Kesukaran dan Indeks Diskriminasi	57
4.1	Jadual Penentuan Ujian Kemahiran Mendengar	60
4.2	Senarai Semak Jawapan Ujian	71
4.3	Jadual Indeks Kesukaran	73
4.4	Senarai Pelajar Mengikut Pencapaian	75
4.5	Jadual Indeks Diskriminasi	77
4.6	Jadual Ringkasan Indeks Kesukaran dan Indeks Diskriminasi	78

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
P&P	Pembelajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab pendahuluan ini menjadi dasar kandungan kertas projek ini yang memperkatakan " Cadangan Terhadap Pembinaan Kemahiran Ujian Mendengar Tingkatan Satu ". Untuk memudahcarakan perbincangan, dibentangkan latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan soalan kajian. Turut diperkatakan beberapa konsep yang diguna pakai dalam kajian ini. Akhirnya, dikemukakan rumusan dengan pelan tentatif kajian ini.

1.2 Permasalahan

Kemahiran mendengar merupakan satu proses komunikasi yang penting. Sebahagian besar komunikasi manusia adalah dalam bentuk lisan, iaitu melalui pertuturan kita menghantar mesej (fikiran, idea, maklumat dan sebagainya) kepada orang yang dituturkan. Oleh itu, proses ini memerlukan tumpuan dan penglibatan mental secara aktif daripada pendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dan penting dalam pertumbuhan dan pembelajaran bahasa Melayu pada peringkat awal, masalah ini perlu diatasi melalui teknik yang sah dan sesuai daripada segi praktiknya. Ini bertujuan menguji kefahaman mendengar pelajar secara formal di bilik darjah.

1.2.1 Latar Belakang Kajian

Kemahiran mendengar merupakan aspek penting dalam proses mempelajari bahasa. Proses mendengar memberi maklumat atau penerangan kepada seseorang dan seterusnya menjadi keperluan apabila menggunakan bahasa dalam pertuturan. Apabila pengetahuan terkumpul, seseorang pelajar boleh bertutur. Proses mendengar ini menjadi asas untuk mempelajari kemahiran bahasa yang lain seperti bertutur, membaca dan menulis.

Melalui sejarah pendidikan, kita mengetahui perhubungan guru dengan pelajarnya berlaku dalam bentuk komunikasi lisan. Pelajar yang belajar itu sebenarnya hanya mendengar segala penerangan dan nasihat gurunya dengan tertib. Begitulah keadaan sehingga kini, terdapat perubahan daripada segi corak pendidikan, namun mendengar tetap menjadi asas penting dalam proses pendidikan. Islam juga menganjurkan ' proses mendengar ' ini diberikan sejak bayi baru dilahirkan. Bayi Islam yang baru dilahirkan sunat diazan dan diqamatkan. Ini menunjukkan proses ' mendengar ' itu penting dan merupakan aktiviti terawal dalam kehidupan kita seharian.

Pada peringkat yang lebih formal, sekolah memainkan peranan penting dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (P&P). Proses mempelajari kemahiran asas bahasa perlu dipertingkatkan lagi sebagaimana diperlihatkan pada Jadual 1.1. Kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendengar dan membaca dianggap kemahiran komunikasi, manakala kemahiran bertutur dan menulis sebagai kemahiran menyampaikan komunikasi. Kemahiran mendengar dan bertutur menggunakan bentuk lisan (aural-oral), manakala kemahiran menulis dan membaca menggunakan bentuk tulisan (visual-graphic). Jadual 1.1 menunjukkan perkaitan kemahiran asas bahasa, iaitu :

Jadual 1.1

Kemahiran Asas Bahasa

Bentuk bahasa	**Kemahiran Komunikasi**	**Kemahiran menyampaikan maklumat**
Lisan (Aural-Oral)	Mendengar	Bertutur
Tulisan (Visual-Graphic)	Membaca	Menulis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P&P bahasa Melayu (BM) di bilik darjah menekankan empat aspek tersebut. Walaupun dalam P&P BM, empat kemahiran ini disampaikan secara bersepadu, namun semasa membuat penilaian atau pengujian hanya sebahagian daripada bidang kemahiran ini yang disentuh atau dinilai. Bidang kemahiran bahasa yang sering dinilai ialah kemahiran membaca dan menulis, manakala kemahiran mendengar sering kali diabaikan atau dipinggirkan. Ini terbukti jika kita melihat penilaian formal di sekolah dan peperiksaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri sekarang ini. Contohnya, jika dilihat daripada tiga jenis peperiksaan yang dijalankan, iaitu peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk sekolah rendah, peperiksaan Penilian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk sekolah menengah hanya tiga kemahiran bahasa sahaja yang diuji atau dinilai, iaitu kemahiran bertutur,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca dan menulis. Manakala dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pula, hanya kemahiran menulis yang diutamakan. Daripada contoh di atas, jelas menunjukkan kemahiran mendengar langsung tidak diuji atau dinilai. Walaupun ada pihak tertentu berpendapat ujian lisan sudah cukup untuk menilai kemahiran mendengar dan bertutur seseorang, namun hakikatnya penilaian itu untuk menguji kemampuan bertutur sahaja.

Masalah yang timbul ialah bagaimana membina satu set ujian kemahiran mendengar yang lengkap dan bermutu berdasarkan sukatan pelajaran. Oleh itu, penulis bercadang untuk membina satu set ujian kemahiran kefahaman mendengar. Ini bertujuan mengisi satu kekosongan dalam menguji kemahiran asas bahasa kalangan pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah. Penulis juga berhasrat untuk berkongsi pengalaman bersama para pendidik dan seterusnya mengembangkan bentuk ujian kefahaman mendengar ini ke seluruh sekolah di negara.

1.2.2 Pembinaan Ujian Kemahiran Mendengar

Pembinaan ujian kemahiran mendengar perlu dilaksanakan kerana hingga hari ini tidak ada ujian kemahiran mendengar dapat menguji kemahiran ini. Mengikut Kamus Dewan (2002), 'pembinaan' bermaksud perbuatan atau hal membina, manakala 'ujian' membawa maksud perubahan untuk mengetahui sesuatu hal, misalnya dalam bidang sains, sejarah, geografi, bahasa Melayu dan sebagainya. Mengikut Harimurti Kridalaksana (1983) pula, 'kemahiran mendengar' bermaksud kemampuan yang tinggi khususnya penguasaan bahasa untuk menanda dan memahami wicara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan definisi yang menjadi inti kepada tajuk yang dicadangkan, dapatlah disimpulkan 'pembinaan ujian kemahiran mendengar' sebagai satu percubaan untuk mengetahui sesuatu hal yang berkaitan kemahiran berbahasa iaitu mendengar untuk mengecam, mengingat, dan memahami bunyi atau makna dalam bahasa Melayu di sekolah.

1.2.3 Penyataan Masalah

P&P bahasa di bilik darjah sekolah menengah menekankan empat aspek kemahiran iaitu bertutur, mendengar, membaca, dan menulis. Melihat daripada sudut pendidikan bahasa pada peringkat awal, kemahiran pertuturan dan pendengaran menjadi asas terhadap kemahiran membaca dan menulis kerana melalui pertuturan dan pendengaranlah kanak-kanak mulai mempelajari bahasa itu daripada segi sistem bunyi, struktur kata, tatabahasa, perbendaharaan kata dan semantiknya.

Berdasarkan penyataan di atas, pengkaji membuat kesimpulan betapa perlunya mewujudkan satu ujian kemahiran mendengar yang formal di bilik darjah kerana tiada ujian yang menekankan aspek kemahiran mendengar di peringkat murid tingkatan satu dan kebanyakan pengkaji menitikberatkan aspek bertutur, membaca dan menulis.

Dilihat daripada segi pertumbuhan bahasa kanak-kanak pada peringkat awal, kemahiran mendengar dan kefahamannya amat penting dan saling berkaitan dengan kehidupannya harian sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Anehnya kita kurang memberi penekanan daripada segi menguji kemahiran ini dalam keadaan yang formal di bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran kefahaman mendengar juga merupakan satu kemahiran yang asas dan penting dalam pertumbuhan dan pembelajaran bahasa Melayu pada peringkat awal, Masalah ini perlu diatasi melalui teknik yang dianggap sah dan sesuai daripada segi praktiknya. Ini bertujuan menguji kefahaman mendengar pelajar secara formal di bilik darjah .

Berhubung dengan perkara ini, pengkaji mencadangkan set ujian kemahiran mendengar mata pelajaran bahasa Melayu sekolah menengah untuk tingkatan satu bertujuan mengatasi permasalahan yang wujud akibat kurangnya penilaian yang berkaitan dengan kemahiran mendengar di peringkat yang lebih formal di sekolah.

1.3 Tujuan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi penulisan akademik ini, pengkaji menetapkan beberapa tujuan yang berkaitan dan bertepatan dengan tajuk yang dinyatakan. Antara tujuan penulisan ini termasuklah :

i. Menerang dan menjelaskan prosedur yang perlu diikuti semasa penggubalan atau pembinaan item ujian mendengar

ii. Menggubal dan membina satu set ujian kemahiran mendengar sebanyak 50 item soalan.

iii. Menguji dan mencari indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi item soalan yang digubal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Kepentingan Kajian

Sejak Sukatan Pelajaran KBSR dilancarkan pada tahun 1983 dan KBSM pada tahun 1988, belum ada ujian pencapaian BM melalui teknik mendengar dibuat, walaupun untuk pengujian di peringkat sekolah rendah. Ini membuktikan satu daripada empat aspek kemahiran asas bahasa diabaikan. Oleh itu, pengkaji menggariskan kepentingan kajian iaitu :

i. Pembinaan ujian ini membantu para guru meninggikan tahap pencapaian BM bagi pelajarnya, sama ada secara individu atau secara perbandingan antara individu.

ii. Pembinaan ujian kemahiran mendengar dapat membantu para guru dalam menyediakan bahan P&P. Dengan adanya bentuk ujian seperti ini boleh membantu guru untuk membuat penilaian sejauh mana perancangan pengajarannya berkesan. Ini membantu guru membuat inovasi dalam proses P&P dan seterusnya dapat memberi asas yang lebih kukuh kepada pelajar untuk menguasai kemahiran yang diajar.

iii. Pembinaan ujian kemahiran mendengar dapat membantu P&P BM dengan lebih berkesan, terutamanya kepada pelajar bukan Melayu. Ini membolehkan guru menggunakan kaedah pengajaran BM yang sesuai untuk semua tahap pelajar. Bahan ujian yang dibina ini dapat menggambarkan pendekatan pengajaran BM dan menjadi panduan kepada para guru bahasa dalam pengajaran mereka.

iv. Pembinaan ujian kemahiran mendengar ini membantu para pendidik mengesan kelemahan pelajar dalam penguasaan BM. Keputusan ujian ini membantu guru merancang pengajaran mereka dengan lebih baik dan seterusnya membantu mereka dalam kerja pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan itu, diharapkan pembinaan ujian kemahiran mendengar berupaya membantu semua pihak meneroka alam pendidikan untuk kepentingan bersama selaras dengan era baharu dunia globalisasi.

1.5 Batasan Kajian

Bagi tujuan penulisan ini, pengkaji membataskan kajian kepada bahagian yang berkait rapat dengan tajuk yang dicadangkan iaitu konsep yang berkaitan dengan kepentingan kemahiran mendengar, kajian yang berkaitan pembinaan soalan aneka pilihan, prosedur pembinaan ujian dan membina set soalan ujian kemahiran mendengar.

Untuk tujuan penulisan ini juga, pengkaji memilih teknik ujian soalan kefahaman mendengar daripada cerita atau penyataan. Beberapa pengubahsuaian dibuat iaitu dalam bentuk soalan aneka pilihan dan disampaikan melalui pembacaan guru ataupun diperdengarkan melalui pita rakaman.

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini berusaha menjawab soalan berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan. Oleh itu, tiga soalan kajian dikemukakan :

a. Apakah prosedur yang dapat diikuti semasa penggubalan atau pembinaan item ujian?

b. Apakah modul ujian kemahiran mendengar sebanyak 50 item soalan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Bagaimanakah menguji dan mencari indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi setiap item soalan yang digubal?

1.7 Definisi Konsep

Untuk menjelaskan tajuk yang dipilih iaitu ' Cadangan Terhadap Pembinaan Ujian Kemahiran Mendengar Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu ' diberikan definisi perkataan dan frasa yang membentuk persoalan kajian. Dalam kajian ini terdapat lima konsep yang digunakan iaitu pembinaan, ujian, kemahiran, mendengar dan bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1 Pembinaan

" Pembinaan " dalam kajian ini bermaksud perbuatan atau hal untuk membina ujian kemahiran mendengar.

1.7.2 Ujian

Dalam kajian ini, " ujian " bermaksud alat yang digunakan untuk mengukur dan mengetahui perubahan tingkah laku murid. Ujian juga membawa makna operasi di dalam bilik darjah sama ada secara besar atau kecil. Ujian pada dasarnya merupakan bentuk penyoalan yang bukan semestinya bertulis tetapi juga melibatkan lisan dan mental.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Kemahiran

Dalam kajian ini, " kemahiran " bermaksud kemampuan murid untuk menguasai bidang ilmu tertentu. Ini bermakna murid harus ada kemampuan yang tinggi untuk menguasai bahasa penyampaiannya.

1.7.4 Mendengar

" Mendengar " dalam kajian ini bermaksud menerima, mengecam dan memahami bunyi tertentu. Dalam konteks ini, mendengar membawa makna kemampuan murid untuk menanda dan memahami bunyi yang diujarkan oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.5 Bahasa Melayu

Dalam kajian ini, " bahasa Melayu " bermaksud bahasa yang digunakan oleh orang Melayu sebagai bahasa pertama. Dalam konteks P&P, BM sebagai bahasa pengantar di dalam bilik darjah. BM juga merupakan alat perhubungan yang penting dalam P&P dan sebagai media berhubung antara satu sama lain untuk memahami kehendak, perasaan dan fikiran orang lain.

1.8 Rumusan

Dalam bab ini diperkatakan penyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, soalan kajian, definisi konsep dan kesimpulan. Kesemua aspek ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan sebagai landasan kajian ini dalam bab seterusnya. Pembinaan ujian kemahiran mendengar ini penting untuk membantu guru merancang P&P dengan lebih berkesan.

Diharap kajian ini memberi sumbangan terhadap dunia pendidikan terutama pendidikan bahasa Melayu. Secara tidak langsung kita iaitu guru dapat menilai kesemua aspek kemahiran asas bahasa. Kandungan kertas projek ini seterusnya meliputi pelan tentatif iaitu Bab 2 kajian mendengar tempatan dan di Barat serta kerangka konseptual kajian ini. Bab 3, metodologi kajian iaitu kaedah kajian, sampel kajian, pengumpulan data dan penganalisisan data. Bab 4, dapatan kajian, analisis indeks kesukaran dan analisis indeks diskriminasi. Bab 5 pula, perbincangan dan cadangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini dibentangkan beberapa pandangan, pendapat dan kajian yang mempunyai hubungan dengan bidang yang dikaji iaitu pembinaan ujian kemahiran mendengar bahasa Melayu. Kajian ini turut mengambil kira kajian kemahiran mendengar yang dilakukan di dalam negara dan di luar negara serta kesimpulan yang berkaitan dengan kajian ini. Bab ini diakhiri dengan kerangka konseptual yang dijadikan landasan pengkaji untuk kajian ini.

2.2 Kemahiran Mendengar

Proses mendengar boleh dianggap sebagai asas untuk mempelajari kemahiran bahasa yang lain. Ini bersesuaian dengan peribahasa Inggeris yang bermaksud :

" Pendengar yang baik ialah memahami dan menguasai cara bertutur ."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurangnya penekanan dalam pengajaran, latihan dan pengujian secara formal kemahiran mendengar dalam program P&P bahasa itu, boleh mendatangkan kesan buruk jangka pendek dan jangka panjang kalangan pelajar, Hunt (1981 : 294).

Sebahagian besar komunikasi manusia berbentuk lisan, iaitu melalui pertuturan kita menghantar atau menerima mesej (fikiran, idea, atau maklumat) ; atau menerimanya dalam bentuk pendengaran. Itulah sebabnya, apabila menyentuh hal mengenai komunikasi lisan, Dakin (1980 : 31) pernah mengatakan "*mendengar sebahagian daripada proses komunikasi*".

Menurut Hunt (1981 : 20), Proses mendengar dan memahami secara berkesan bukanlah tugas mudah. Ini disebabkan proses tersebut memerlukan tumpuan dan penglibatan mental secara aktif pendengar.

Kemahiran komunikasi melalui bacaan, kefahaman merupakan objektif utama proses mendengar. Selain memahami apa yang didengar secara literal, seseorang itu perlu juga mendengar secara kritis dengan menggunakan daya fikiran, penilaian atau tafsirannya , Hunt (1981 : 28).

Dengan demikian, kemahiran mendengar merupakan aspek penting dalam proses mempelajari sesuatu bahasa. Proses mendengar dapat memberi maklumat atau penerangan cara pengetahuan diperoleh dan cara digunakan untuk mempelajari bahasa. Apabila pengetahuan terkumpul, seseorang itu boleh bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kajian Pemahaman Mendengar di Barat

Kajian awal kemahiran mendengar dijalankan oleh Rankin (1929). Beliau menyelidik perkara yang dilakukan oleh orang dewasa setiap hari. Dapatannya menunjukkan 70 % masa mereka digunakan untuk kegiatan berkomunikasi yang diperincikan didapati :

a. 42% dari masa untuk berkomunikasi digunakan untuk mendengar
b. 32% untuk bercakap
c. 15% untuk membaca
d. 11% untuk menulis

Berdasarkan dapatan kajian oleh Rankin ini, jelas menunjukkan'mendengar' merupakan proses kemahiran asas bahasa yang paling penting. Justeru itu, perlu dibuat ujian untuk menguji kefahaman mendengar ini.

Penyelidikan Markgraf (1957), terhadap pelajar sekolah tinggi pula menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tersebut telah menggunakan 40% dari masa mereka di sekolah untuk mendengar sahaja dan 60% daripada aktiviti mendengar itu adalah untuk mendengar percakapan guru.

Dalam kesemua bidang komunikasi bahasa iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis, aspek kefahaman merupakan matlamat akhir sebagai satu aspek komunikasi yang perlu diukur dan dinilai.

Terdapat banyak bahan penulisan mengenai teori dan teknik pengujian serta penilaian dalam bidang pendidikan. Secara amnya, bahan penulisan ini menyentuh format ujian dan menghuraikan kepentingan objektiviti dalam pemarkahan.

Berhubung dengan pemahaman atau kemahiran mendengar ini, Penny Ur (1984) mengatakan bahawa ia merupakan suatu kemahiran tertinggi atau dalam penguasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa. Jika kemahiran mendengar mudah sampai ke peringkat yang tinggi, maka si pendengar bukan sahaja faham sesuatu percakapan atau pertuturan, bahkan dapat memisahkan antara kebenaran dan kepalsuan, kesahan atau tidak kesahan fakta yang didengarnya.

Lado (1964), mengatakan mendengar itu boleh digabungkan dengan aktiviti lain. Kalau mendengar itu mencakupi tindak balas bersuara, maka ia menjadi latihan bertutur. Tindak balas yang tidak memerlukan suara, dimaksudkan untuk menunjukkan kefahaman bagi menghasilkan latihan yang baik untuk mendengar.

Berdasarkan pendapat di atas, kemahiran mendengar merupakan proses kemahiran asas yang penting dalam bahasa dan boleh digabungkan dengan aktiviti seperti membaca, menulis dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kajian Pemahaman Mendengar di Malaysia

Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1984), mendengar merupakan proses komunikasi penting. Kurikulum sekolah memerlukan pelajar mendengar dan memahami apa yang didengar dalam proses P&P. Malahan dalam konteks perhubungan sosial, mendengar merupakan kemahiran yang paling kerap digunakan, selain kemahiran bertutur. Menurut beliau lagi, asas komunikasi manusia mengandungi pengirim maklumat yang merangkumi pemikiran, idea ataupun pendapat yang hendak disampaikan kepada penerima maklumat. Isi maklumat pula merangkumi pemikiran, idea dan pendapat yang biasanya tersusun dalam suatu bentuk bahasa. Pertuturan dan pendengaran, pemikiran atau idea disampaikan secara langsung melalui gelombang bunyi pertuturan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendengar. Lazimnya, jikalau pengirim atau penerima maklumat memahami bahasa yang sama dan mereka sama-sama cekap dan tidak mempunyai kecacatan dari segi pertuturan atau pendengaran, maka penerima akan mendengar bunyi itu, memahaminya dari segi bahasa dan cuba memahami idea atau pemikiran yang hendak disampaikan oleh pengirim iaitu penuturnya. Tegasnya aspek kefahaman mendengar ini merupakan satu proses yang lantas dan efisien, yakni jikalau bahasa yang digunakan itu merupakan pertuturan dan pendengaran, maka penutur dan pendengar mestilah berada pada masa dan tempat yang sama dan mereka dapat memahami bahasa yang sama.

Menurut Awang Mohamad Amin (1982) pula, kemahiran mendengar dapat dipecahkan kepada sembilan bahagian iaitu:

a. mendengar secara pasif
b. mendengar bertelau-telau
c. mendengar tanpa tindak balas
d. mendengar menebuk-nebuk
e. mendengar dengan beremosi
f. mendengar dengan berhati-hati
g. mendengar secara kritikal
h. mendengar dengan pengamatan, dan
i. mendengar secara kreatif

Dalam hal ini, beliau menegaskan kemahiran mendengar bahasa ibunda atau bahasa pertama yang didapati daripada ibu bapa dan persekitaran hanya berupaya sampai ke peringkat atau beberapa peringkat kemahiran yang rendah. Jika hendak mencapai kemahiran mendengar yang lebih tinggi, maka seseorang penutur bahasa pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlulah belajar bahasanya secara sedar melalui persekolahan, peringkat demi peringkat seperti yang disebutkan itu.

Abdullah Hassan (2000) pula mengatakan ujian pendengaran perlu menunjukkan yang ia merupakan penguasaan kefahaman melalui pendengaran. Jika kita tumpukan perhatian pada ketepatan sebutan sahaja, mungkin kefahaman itu tidak perlu. Tetapi, ujian pendengaran itu hendaklah juga bertujuan memahami apa yang didengar supaya ia menjadi lebih bermakna.

Melihat pada penyataan yang diperkatakan oleh ahli yang mengkaji aspek pemahaman atau kemahiran mendengar ini, diakui bahawa kemahiran mendengar ini sebenarnya merupakan satu kemahiran yang paling asas, khususnya daripada sudut peranannya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, dan amnya pula penting dari sudut pendidikan di sekolah. Oleh itu, masalah pengujiannya perlulah diatasi dengan menggunakan teknik-taknik yang objektif dan praktis.

2.5 Kajian Ciri Ujian Yang Baik

Ujian pendidikan ialah alat yang direka bentuk dengan tujuan mendapatkan maklumat yang relevan bagi membuat keputusan yang praktikal. Ujian yang baik mestilah mempunyai ciri tertentu, seperti ujian itu haruslah membantu seseorang membuat keputusan yang manfaat tentang soalan yang ditanya, data yang diperoleh haruslah konsisten atau stabil, iaitu yang boleh diharapkan, dan akhirnya data itu haruslah mudah diperoleh. Antara ciri yang perlu ada pada ujian yang baik ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Kesahan

Mengikut Majid Konting (2000:156), kesahan sesuatu alat pengukuran merujuk kepada sejauh mana alat itu mengukur data yang sepatutnya ia dikehendaki mengukur. Kesahan bergantung kepada tujuan dan masa sesuatu alat ukur dibina. Jika perkara ini dilihat dari sudut penilaian dan pengujian dalam pendidikan, dapat dikatakan bahawa kesahan sesuatu alat ujian itu merujuk kepada sejauh mana alat ujian itu dapat mengukur apa yang ditugaskan untuk mengukur, atau sejauh mana alat ujian itu dapat menjalankan tugas yang diharapkan daripadanya.

Sifat maklumat yang terpenting ialah kebenaran maklumat. Kesahan maklumat menggantikan kebenaran maklumat. Oleh itu, kesahan maklumat ujian adalah bergantung kepada sejauh mana ujian itu boleh membekalkan data yang relevan untuk membuat keputusan tentang tingkah laku. Contohnya, ujian kecapaian adalah sah kalau ujian itu boleh memberi skor yang akan membantu guru memutuskan siapakah murid yang telah menguasai pembelajaran yang dikehendaki.

Di sekolah, kesahan alat ujian agak tinggi kalau alat ujian itu disediakan dengan menegaskan rujukan kepada objektif pengajaran. Untuk ujian bulanan atau semester, iaitu banyak isi dan objektif yang terlibat, satu jadual penentuan harus disediakan terlebih dahulu dan item ujian yang dibentuk mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam jadual tersebut. Jika tujuan guru ialah untuk mengetahui sama ada pelajar boleh menjawab soalan dalam peperiksaan kebangsaan, adalah sah sekiranya soalan yang digubal untuk ujian itu adalah lebih kurang sama atau setara dengan soalan dalam peperiksaan masing-masing. Tetapi yang penting untuk kesahan ialah skema pemarkahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang digunakan haruslah sama dengan yang digunakan dalam peperiksaan itu. Jika tidak maklumat yang terhasil daripada ujian guru mungkin tidak sah lagi.

Terdapat beberapa jenis kesahan dalam ujian yang dibina. Antaranya ialah kesahan kandungan yang merujuk kepada sejauh mana alat ujian itu mengumpul data atau maklumat yang merangkumi kandungan sesuatu bidang yang diuji. Sesuatu alat ujian dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sekiranya alat ujian tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang diuji dengan berkesan. Maklumat utama kesahan kandungan sesuatu alat ujian ialah untuk memastikan semua isi dan kandungan bidang yang hendak diuji dapat diuji.

Kesahan kriteria bagi sesuatu ujian merujuk pada sejauh mana kaitan butiran dalam ujian dengan kriteria luaran yang berkecuali. Kesahan kriteria mempersoalkan butiran ujian sah mengukur kriteria yang hendak diukur atau tidak.

Kesahan gagasan sesuatu ujian merujuk kepada sejauh mana alat ujian menghasilkan gerak balas yang mewakili gagasan yang diuji. Sesuatu alat ujian yang mempunyai kesahan gagasan yang tinggi akan menunjukkan wujudnya kekuatan sesuatu konsep dalam gagasan yang diuji. Unsur gagasan boleh merupakan minat, motivasi, pencapaian, kecerdasan, kreatif, pendapat, dan sikap. Gagasan merupakan sekumpulan konsep yang ada di fikiran tetapi tidak dapat melihat objeknya secara langsung.

2.5.2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merupakan konsep penting dalam penubuhan bahan ujian. Menurut Atan Long (1982), kebolehpercayaan bermakna ketepatan dalam pengukuran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian. Dengan perkataan lain, beliau menerangkan bahawa hasil pengukuran dan penilaian daripada bahan ujian itu banyak berubah daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lain.

Azman Wan Chik (1982) mengatakan kebolehpercayaan merupakan ciri yang diperlukan untuk ujian yang baik. Dengan kebolehpercayaan, kita dapat melihat ketekalan, ketepatan dan kestabilan ujian dalam mengukur apa sahaja yang diuji.

Abdul Fatah Abdul Malek (1985) pula mendefinisikan kebolehpercayaan sebagai sejauh manakah satu ukuran "memberitahu" jumlah sebenarnya yang diukur.

Walau apapun definisi yang diberikan, kebolehpercayaan tetap dimaksudkan sebagai kestabilan, ketetapan, ketekalan dan ketahanan sesuatu bahan ujian. Ini bererti, sekiranya sesuatu bahan ujian itu diuji beberapa kali, dalam keadaan yang serupa, data yang terhasil daripadanya mestilah sentiasa sama atau sekurang-kurangnya hampir sama. Sekiranya keadaan ini dapat diwujudkan, maka dapatlah dikatakan bahan ujian dibina itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Sebaliknya, kalau hasil yang diperoleh itu bercanggah, maka alat ujian yang dibina itu tidak boleh dipercayai.

Kebolehpercayaan sesuatu alat ujian dapat diperbaiki kalau prinsip berikut dapat diikuti:

1. Lebih banyak soalan bermakna kebolehpercayaan adalah lebih tinggi (tetapi bukan terlampau banyak soalan)
2. Soalan serta arahan menjawab haruslah terang dan senang difahami tanpa mengelirukan.
3. Calon yang mengambil ujian harus disediakan keadaan yang sama dan selesa supaya mereka menjawab soalan dengan sebaik-baiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Semakin tepat objektif pemarkahan, semakin tinggi kebolehpercayaan.

Kebolehpercayaan item soalan dapat menunjukkan bahawa ketekalan sesuatu item ujian itu membezakan antara pelajar yang cerdas dengan lemah dalam kemahiran bahasa.

2.5.3 Keobjektifan

Keobjektifan dalam hubungannya dengan alat penilaian dapat ditakrifkan sebagai sejauh mana pentafsiran yang dibuat itu bebas daripada pertimbangan yang subjektif oleh penilai. Salah satu sebab keobjektifan penting untuk mentafsirkan supaya penilaian yang objektif lebih senang diterima oleh orang yang dinilaikan. Keputusan daripada kaedah yang objektif mungkin dilihat kurang daripada pertimbangan peribadi tetapi lebih daripada penilaian bebas dan prasangka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keobjektifan ialah kualiti yang relatif dan tiada ujian atau cara penilaian yang objektif sepenuhnya. Dalam pembinaan alat ujian, unsur subjektif tidak dapat dielakkan sekalipun ujian itu adalah spesifikasi.

Langkah yang perlu diikuti supaya keobjektifan yang tinggi dan tidak 'bias' terjamin adalah seperti yang berikut:

1. Ujian yang disediakan harus disemak oleh pemeriksa atau rakan lain supaya ujian yang dibina itu dijamin sebagai wakil contoh yang baik dan dipilih daripada populasi soalan.
2. Skema pemarkahan harus dibincangkan oleh semua pemeriksa dan persetujuan dibuat tentang kes khas yang difikirkan mungkin daripada jawapan. Dalam pemarkahan, kes

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khas yang tidak dapat dibincang patutlah dilaporkan kepada penyelia atau ketua yang membuat keputusan konsisten kepada semua pemeriksa.

Jika aktiviti semak dan menyemak semula dilakukan dalam semua aspek seperti dalam membuat jadual penentuan, menggubal soalan, dan akhirnya jumlah markah untuk setiap pelajar diperoleh, serta mengisi markah dalam borang formal, maka keobjektifan pengujian boleh diandaikan dengan keyakinan tinggi.

2.5.4 Kekomprehensifan

Perhatian khas terhadap kekomprehensifan harus diberi dalam bahagian perancangan pembinaan ujian. Kekomprehensifan ujian mungkin dihadkan apabila hanya bahagian atau topik yang senang diuji, dan ianya diuji lebih. Manakala bahagian atau topik lain ditinggalkan atau diberi perhatian ringan.

Untuk menjamin kekomprehensifan ujian, langkah memerihalkan semua objektif utama dan objektif kecil berkait adalah penting. Ini diikuti dengan memastikan ujian dibentuk, mengandungi soalan mewakili semua objektif yang penting. Oleh sebab itu, semakin besar bilangan soalan adalah semakin baik, khususnya jika semua bahagian dapat diwakili ujian yang dibina itu.

Kadang-kadang ujian dibina menguji aspek atau taraf pembelajaran berbeza seperti ingatan, kefahaman, dan aplikasi bagi setiap topik. Kalau begitu, satu imbangan antara tiga taraf itu harus dipenuhi. Ketidakseimbangan berlaku jika satu taraf pembelajaran, misalnya ingatan ditegaskan dan taraf seperti aplikasi dilupakan, atau diberi penekanan yang sedikit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekomprehensifan ialah konsep keadilan dalam pengujian. Ujian haruslah adil kepada semua yang mengambilnya. Memperdayakan seseorang yang mengambil ujian adalah bertujuan untuk menipunya. Ujian yang mengandungi pendayaan, misalnya, penipuan bahasa (verbal trick), butir taksa (ambiguiti) dan jangkaan yang tidak dispesifikasikan dahulu tidak adil. Kemungkinan ini berlaku tinggi seperti seorang pelajar tahu bidang itu mendapat markah rendah kerana dia telah diperdayakan oleh penipuan tersebut.

2.5.5 Kemudahtadbiran

Kemudahtadbiran ujian biasanya merupakan ciri praktikal yang mesti diberi perhatian sewajarnya. Sifat seperti ciri kesahan, kebolehpercayaan, keobjektifan dan kekomprehensifan harus tidak boleh dikorbankan supaya kemudahtadbiran dicapai. Ujian digunakan disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, membekalkan maklumat dalam jangka masa yang pendek, kedua adalah punca data dengan kos rendah, dan ketiga ianya relevan untuk objektif pengguna. Oleh itu, semakin mudah ujian itu ditadbirkan dan keputusan ditaksirkan mudah, maka semakin sering ujian itu digunakan.

Ujian mudah ditadbirkan jika arahannya tidak panjang atau kompleks. Ujian boleh ditadbirkan dalam masa yang pendek dan tidak memerlukan orang terlatih untuk mentadbirkannya.

Pemarkahan ujian hendaklah mudah dan cepat dilaksanakan supaya keputusannya boleh dikeluarkan dengan cepat dan dalam bentuk yang senang difahami serta mudah ditaksirkan. Berkaitan dengan pentadbiran ujian ialah kesenangan pembinaan ujian, kos

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan masa. Terdapat ujian seperti senarai semak, skala pemeringkatan dan ujian aneka pilihan mungkin sukar dibentuk berbanding dengan cara kurang formal. Ini mesti diambil kira jika masa yang pendek diberi untuk mendapatkan maklumat.

2.5.6 Taksonomi Kognitif Bloom

Setiap soalan dibina seharusnya meliputi semua aras domain kognitif seperti dicadangkan oleh Bloom dalam bukunya ' *Taxonomy of Edication Objective : 1979* ' yang membahagikan objektif pendidikan kepada tiga bidang, iaitu bidang kognitif, bidang efektif, dan bidang psikomotor. Dalam bidang kognitif, ia meliputi aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian. Kesemua aras ini digunakan dalam menentukan aras kesukaran setiap item soalan dibina. Penggunaan pemeringkatan ini mengatasi kelemahan sesuatu ujian dibina, dipenuhi dengan item mengingat semula (pengetahuan), dan ini tentu tidak menggalakkan daya fikiran bagi menyelesaikan masalah dan pengkajian perkara terkini.

Item ujian bermutu perlulah memenuhi kehendak ciri ujian yang baik, iaitu sejauh mana item ujian memenuhi kehendak kesahan, kebolehpercayaan, indeks diskriminasi dan peratus kesukaran. Item yang hanya mengukur peringkat pengetahuan terbatas, dan secara amnya menghasilkan data statistik yang kurang memuaskan. Peringkat domain kognitif secara langsung memberi kesan kepada kesukaran dalam diskriminasi item, kesahan, serta kebolehpercayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.7 Jadual Penentuan Ujian

Untuk menyediakan bahan ujian sah, suatu penelitian mesti dilakukan terhadap objektif pengajaran dan sukatan pelajaran yang dapat mewakili semua objektif program tersebut. Bahan ujian meliputi kesemua aspek program tidak mungkin dibentuk kecuali dengan membina terlebih dahulu satu Jadual Penentuan Ujian.

Thorndike dalam bukunya 'Educational Measurement' menjelaskan bahawa Jadual Penentuan Ujian ialah 'Jumlah keseluruhan soalan mempunyai kualiti dan panduan untuk membuat soalan yang baik.' Lee Shoh Mee (1993 : 32) menyatakan bahawa ada dua unsur penting yang membentuk dimensi dalam Jadual Penentuan Ujian, iaitu unsur kandungan dan kemahiran. Dua dimensi itu digabungkan untuk menentukan kemahiran kognitif yang berkaitan dengan unit kandungan sama. Mok Soon Sang (1994 : 126) pula menjelaskan bahawa Jadual Penentuan Ujian itu ialah memastikan pemberatan yang wajar topik serta aras kemahiran dengan kebolehan pelajar keseluruhannya. Ia terdiri dua perkara penting, iaitu topik (disusun dalam paksi mencacang) dan aras kemahiran (disusun dalam paksi mengufuk).

Jadi, dalam Jadual Penentuan Ujian termuat di dalamnya tentang bentuk ujian, panjang ujian, aras ujian, kandungan tajuk, dan bidang kemahiran yang akan diuji. Oleh itu, ujian yang dibina dengan teliti berasaskan kepada satu Jadual Penentuan Ujian adalah sah *(valid)* dan boleh dipercayai *(reliable).*

Seperti yang dinyatakan di atas, semasa membina satu Jadual Penentuan Ujian, perlu dimasukkan ke dalamnya dua paksi utama, iaitu paksi kandungan (topik-topik) dan paksi kemahiran. Gabungan dua paksi ini baharulah menghasilkan petak ' kandungan-kemahiran ' ujian. Semasa merangka Jadual Penentuan Ujian, penggubal soalan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jawatankuasa penggubal membina Jadual Penentuan Ujian itu mestilah membuat keputusan tentang:

i. Kandungan yang termuat dalam set ujian itu.

ii. Bilangan soalan dibina atau diuji.

iii. Aras kesukaran soalan.

iv. Bilangan kertas atau bahagian ujian itu.

v. Timbangan markah '*weightage*' bagi kertas atau bahagian ujian itu.

vi. Bahagian yang wajib dijawab, jika ada.

Semasa membuat keputusan bagi membentuk satu Jadual Penentuan Ujian, pertimbangan juga mestilah berasaskan kepada faktor berikut:

i. Tujuan ujian itu.

ii. Kesan keputusan itu terhadap kesahan dan kebolehpercayaan ujian itu.

iii. Kegunaan ujian itu.

iv. Kelas atau tingkatan pendidikan calon yang akan diuji itu.

Apabila kesemuanya telah lengkap, maka Jadual Penentuan Ujian itu menjadi panduan dan penentu kepada penggubal soalan ujian. Sekiranya Jadual Penentuan Ujian ini digunakan dan diikuti dengan teliti, maka dijamin bahawa ujian yang dibina itu:

i. Sah dari segi kandungannya – dapat menguji apa yang mahu diuji.

ii. Boleh dipercayai *(realiability)* iaitu sentiasa *"consistent"* iaitu stabil taraf, bermutu dan tahap kesukaran dari setahun ke setahun dan antara satu ujian dengan ujian lain.

iii. Mudah ditadbirkan tanpa timbul sebarang kerumitan iaitu mutu, taraf dan tahap kesukarannya sentiasa sama walaupun dibina oleh penggubal secara berasingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Dapat dibandingkan markah ujian dengan ujian yang lain, yakni keputusannya senang difahami dan ditafsirkan.

Jadual 2.1 : Contoh Jadual Penentuan Ujian

BIL.	TAJUK	ARAS KEMAHIRAN	JUMLAH
		1 2 3 4 5 6	
	Tajuk atau unit kemahiran yang hendak diuji. Rujukan kepada : 1. Sukatan Pelajaran 2. Buku Teks	Pemeringkatan Mengikut Taksonomi Bloom : 1. Peringkat Pengetahuan 2. Peringkatan Pemahaman 3. Peringkat Aplikasi 4. Peringkat Analisis 5. Peringkat Sintesis 6. Peringkat Penilaian	
	Jumlah		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk menyediakan satu Jadual Penentuan Ujian yang baik, beberapa persoalan harus difikirkan terlebih dahulu. Antaranya ialah:

a. Pemberatan Soalan

Pemberatan yang dimaksudkan ialah bilangan soalan setiap kandungan dan aras kemahiran. Jumlah butiran mengikut kandungan haruslah relatif kepada pemberatan dan penekanan dalam P&P. Semakin diutamakan sesuatu isi pelajaran yang disampaikan, semakin tinggi pemberatan diberikan pada aspek kandungan tersebut. Begitu juga segi kemahiran kognitifnya, jika objektif pengajaran menekankan tahap perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kognitif yang tinggi, maka kandungan instrumen penilaian itu perlulah juga memberi pemberatan pada aspek tersebut. Prinsip yang harus menjadi dasarnya ialah kandungan instrumen penilaian dan pengujian itu mestilah mengekalkan keimbangan dan kesesuaian dengan pemberatan pada dua unsur tersebut, iaitu kandungan dan unsur kemahiran mental yang diajar. Dalam menentukan pemberatan sesuatu unsur, sama ada unsur kandungan ataupun kemahiran dalam Jadual Penentuan Ujian, biasanya jumlah mutlak dan peratus digunakan.

b. Jenis Soalan

Dalam menentukan jenis soalan yang sesuai, matlamat dan aras kemahiran yang hendak diuji mestilah dijadikan dasar. Sebagai contoh, kalau penilaian itu bertujuan untuk menguji pengetahuan, pemahaman, dan peringkat aplikasi pada pelajar sekolah rendah, maka jenis soalan yang sesuai digunakan ialah soalan aneka pilihan.

c. Panjang Masa Ujian

Panjang masa ujian perlu diambil kira. Ia penting untuk menentukan jenis ujian dan jumlah butiran digunakan dalam ujian tersebut. Jika ujian aneka pilihan dipilih, pastikan bersifat ujian daya bukan ujian kepantasan. Anggaran peruntukan masa biasanya berasaskan andaian bahawa 80% daripada pelajar boleh menghabiskan semua butiran yang dikemukakan dalam masa satu jam, maka peruntukan masanya ialah satu jam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Jumlah Butiran Dalam Sesuatu Instrumen Ujian

Jumlah butiran mestilah mencukupi dan mewakili domain diuji. Ini penting kerana jumlah butiran dalam ujian mempengaruhi nilai kebolehpercayaan hasil ujian. Untuk menetapkan jumlah tersebut, jenis soalan, prestasi pelajar, kebolehan kognitif, panjang soalan, aras kesukaran, peringkat kemahiran yang diuji dan pemikiran kuantitatif, iaitu kerja dilakukan oleh pelajar harus dipertimbangkan.

e. Aras Kesukaran

Konsep aras kesukaran ujian dimaksudkan kepada peratus pelajar yang dapat menjawab soalan dengan betul. Contohnya, jika sejumlah pelajar dapat menjawab 60% soalan dengan betul maka aras kesukaran bagi soalan tersebut ialah 0.6000. Soalan seperti ini tergolong dalam kumpulan soalan yang sederhana.

Jadual 2.2

Aras Kesukaran Soalan

Aras Kesukaran	Jenis Soalan
0.1999 – 0.3999	Sukar
0.400 – 0.799	Sederhana
0.800 – 0.999	Mudah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f. Analisis Sukatan Pelajaran BM KBSM, Buku Teks dan Buku Rujukan

Untuk mendapat gambaran yang mendalam berkaitan dengan kemahiran yang dipelajari oleh murid Tingkatan Satu, penulis telah membuat analisis terhadap Sukatan Pelajaran BM KBSM, buku teks, dan juga buku rujukan yang digunakan dalam P&P di sekolah. Dapatan daripada analisis tersebut, menunjukkan bahawa buku teks dan buku rujukan yang digunakan adalah bersesuaian dan bertepatan dengan Sukatan Pelajaran BM KBSM.

Tujuan analisis sukatan pelajaran, buku teks dan buku rujukan dilakukan untuk menentukan item ujian yang akan dibina menepati kehendak sukatan pelajaran. Secara umumnya, jika kemahiran itu terdapat di dalam sukatan pelajaran, maka sudah tentu ia telah atau akan didedahkan kepada pelajar. Ini untuk memastikan unit kemahiran yang akan diuji telahpun didedahkan kepada pelajar. Ini mengelakkan daripada berlakunya ketidaksahan dan ketidakbolehpercayaan ujian yang dibina itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi pembinaan soalan untuk kemahiran mendengar ini, penulis telah menetapkan beberapa kemahiran atau tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran tersebut. Antara tajuk atau kemahiran yang akan diuji ialah:

1. Menjawab soalan daripada bunyi yang diperdengarkan.
2. Menjawab soalan daripada petikan yang diperdengarkan.
3. Menjawab soalan puisi yang diperdengarkan.
4. Menjawab soalan tatabahasa.
    a. Penanda Wacana
    b. Simpulan Bahasa
    c. Penjodoh Bilangan
    d. Analisis Ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Penggunaan Imbuhan

f. Kata Ganda

g. Ganti Nama Diri

h. Kata Depan

i. Perkataan Berlawan dan Seerti

2.6 Kajian Pembinaan Ujian

Dalam menentukan isi kandungan ujian kemahiran mendengar, teknik yang digunakan oleh Lindblad (1975) boleh digunakan:

"Murid mendengar satu perbuatan atau keratan yang dibaca oleh satu suara, dan selepas menjawab beberapa soalan berhubungan dengan apa yang didengar tadi... Faktor mengingat dielakkan dengan mengemukakan perbualan yang pendek dan membincangkan perkara yang tidak dinyatakan dengan secara langsung. Soalan mudah "Apakah yang dibincangkan oleh dua orang wanita ini", jika murid faham apa yang dibualkan, dengan sendirinya menimbulkan daya pengingatan murid untuk menjawab. Lagi satu teknik ialah dengan membahagikan perbualan dan keratan yang panjang ke beberapa bahagian pendek, dan mengemukakan satu atau dua soalan bagi tiap bahagian. Teknik yang ketiga yang digunakan ialah dengan menulis teks khas untuk tujuan penilaian semata-mata. Pendaya-pendaya telah dimasukkan ke dalam teks terlebih dahulu. Orang yang berbual dalam dialog membincangkan beberapa tempat tetapi yang disoalkan adalah tersirat dalam perbualan dan tidak temyata dengan jelas. Teknik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan ini telah meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan ujian kefahaman mendengar secara keseluruhan".

Berasaskan teknik Lindblad ini, isi kandungan ujian bagi menguji keseluruhan prestasi kefahaman mendengar, boleh dibahagikan mengikut aspek berikut:

1. Kebolehan untuk menerima berita dan memahami apa yang disampaikan (seperti telefon, berita radio atau televisyen).
2. Kebolehan untuk membuat kesimpulan yang senang dan tepat dari bahan yang tidak dinyatakan dengan secara ekspilisit (seperti wacana tersirat).
3. Kebolehan memahami masalah congak matematik yang senang (seperti dalam situasi mencampur jumlah barang yang dibeli atau jual beli).
4. Kebolehan untuk menangkap perbendaharaan kata dan konsep secara tersendiri dalam situasi konteks (seperti makna perkataan dalam konteks).
5. Kebolehan untuk membezakan konsep tatabahasa (seperti perbezaan morfologi - imbuhan).
6. Kebolehan untuk meneliti perbezaan dalam rima (seperti intonasi dan tekanan dalam struktur).

Semua kandungan ini harus diletakkan dalam konteks yang bermakna dan tidak wajar diuji berasingan atau bersendirian. Apa yang penting, pelajar tidak dibebankan dengan masalah 'pengingatan'

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1 Kajian Format Ujian

Telah dinyatakan format ujian untuk menguji kefahaman atau kemahiran mendengar ialah soalan aneka pilihan atau berbilang jawapan. Penulis memilih format ini berdasar kepada beberapa kajian dijalankan oleh penyelidik yang menyokong kuat tentang format aneka pilihan jawapan ini. Antaranya ialah Cronbach (1950), First (1959), Wood (1960), Eugene (1971), dan Gronlund (1977). Mereka menyarankan tentang kelebihan aneka pilihan seperti kuasa diskriminasi, dapat mengukur tret dengan tepat, dapat mengukur peringkat pengetahuan, pemahaman dan aplikasi yang lebih kompleks, kebolehpercayaan markat, contohnya kandungan yang luas dan pemilihannya dapat dibuat dan objektif.

Koehler (1971), kajiannya mengenai kesahan binaan, telah membuktikan bahawa format aneka pilihan jawapan boleh digunakan kerana senang dan cepat untuk ditadbirkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Branch dan Hopkins (1970), kajiannya perbandingan format esei dan format aneka pilihan jawapan, mengukur kebolehan yang sama atau berbeza apabila arahan dan isi kandungnya dikekalkan. Keputusan kajian mereka menunjukkan kebolehpercayaan markat bagi format ujian aneka pilihan lebih tinggi daripada kebolehpercayaan markat bagi ujian esei. Ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.3 di sebelah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3

Perbandingan Indeks Kebolehpercayaan Ujian Aneka Pilihan dan Ujian Esei

Jenis Ujian	Ujian 1	Ujian 2	Kalau dipanjangkan masa ke 50 minit (Formula Spearman Brown).	
			Ujian 1	Ujian 2
Ujian Objektif	.40	.50	.63	.71
Ujian Esei (Pemarkahan Pertama)	.58	.26	-	.69
Ujian Esei (Pemarkahan Kedua)	.24	.24	-	.28

Berdasarkan Jadual 2.3 di atas, dapat dilihat indeks kebolehpercayaan bagi format ujian aneka pilihan lebih tinggi berbanding dengan ujian berbentuk esei.

2.6.2 Kajian Bentuk Soalan Aneka Pilihan

Kebolehpercayaan ujian bentuk aneka pilihan jawapan bergantung pada jumlah butiran dan jumlah pilihan jawapan yang terdapat dalam butiran. Dalam hal ini, kajian telah dijalankan bagi mengetahui hubungan antara kebolehpercayaan dengan bilangan butiran dan pilihan jawapan bagi sesuatu butiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ruch dan Stoddard (1927) dan Ruch dan Charles (1928) misalnya, dalam kajian mereka membuat kesimpulan jika ujian itu mengandungi banyak butiran dan boleh ditadbirkan dalam suatu jangka masa yang diperuntukkan, maka 2 atau 3 pilihan jawapan butiran itu dapat memberi keputusan yang baik atau lebih baik daripada 4 atau 5 pilihan jawapan.

William dan Ebel (1957), pula mengatakan ujian memerlukan masa untuk menjawabnya itu sama, maka 3 pilihan jawapan bagi ujian perbendaharaan kata, dapat menghasilkan kebolehpercayaan yang sama seperti 4 pilihan jawapan. Sungguhpun demikian, perbezaan kebolehpercayaan itu tidaklah signifikan pada peringkat keyakinan 0.01.

Daripada kajian di atas, nyatalah bahawa 3 pilihan jawapan menghasilkan kebolehpercayaan yang tinggi. Sungguhpun ia mempunyai kelemahan tertentu jika dibandingkan dengan 4, 5, atau 6 pilihan jawapan, namun ia tidaklah merupakan faktor yang mengganggu kesahan dan kebolehpercayaan ujian itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.3 Kajian Kepayahan dan Penyusunan Butiran

Penulis dalam bidang pembinaan ujian dengan tekalnya mencadangkan perlu amalan penyusunan butiran ujian dibuat dengan cara menyusun mengikut jenis butiran, mengikut tajuk atau konsep dan mengikut susunan kepayahan, di samping mengikut susunan pendedahan kandungan bahan pengajaran di bilik darjah.

Bagaimanapun kajian yang dibuat oleh Brenner (1970), Smouse dan Munz (1969), dan Munz dan Smouse (1968), telah gagal untuk membuktikan secara empirikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dakwaan mengatakan bahawa ujian pencapaian harus mempunyai urutan kepayahan butiran, iaitu dari mudah ke payah atau sekurang-kurangya mempunyai beberapa butiran mudah di bahagian awal ujian itu.

Mereka telah membuat kesimpulan kajian mereka itu tidak dapat menyokong hipotesis yang mengatakan bahawa urutan kepayahan butiran pada amnya memberi kesan kepada markat ujian. Dengan kata lain, dakwaan mengatakan bahawa ujian pencapaian itu harus mengandungi butiran yang disusun dari mudah ke payah adalah tidak benar.

Kajian oleh Flaugher dan Melton, Richards dan Myers (1968), juga telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan statistik yang signifikan apabila susunan kepayahan butiran itu diubah, dan tidak ada juga perbezaan statistik yang signifikan antara dua ujian yang mempunyai susunan yang berbeza.

Dapatan kajian di atas, nyatalah susunan butiran mengikut susunan kepayahan mudah ke payah tidaklah mendatangkan kesan yang signifikan terhadap prestasi pengambil ujian, seperti mana yang didakwa oleh penulis dalam bidang pembinaan ujian.

2.6.4 Kajian Peruntukan Masa

Peruntukan masa yang diberikan untuk pengambil ujian bagi menjawab soalan yang diperdengarkan perlu dipertimbangkan. Memandangkan tidak terdapat kajian berkaitan, penulis mengambil kajian ujian yang dijalankan secara biasa iaitu ujian kertas dan penulisan yang banyak dilakukan.

Sax dan Cromark (1968),mengaitkan peruntukan masa itu dengan kepayahan dan susunan kepayahan butiran. Dalam kajian tersebut, mereka telah mengatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekiranya had masa untuk menjalankan ujian itu lebih dari mencukupi sebagai mana sepatutnya untuk ujian kecapaian, maka sususan butiran yang diberikan itu mempunyai kesan yang amat sedikit terhadap markat yang diperoleh oleh pengambil ujian. Sekiranya masa yang diberikan itu terhad, maka butiran ujian itu haruslah disusun mengikut susunan kepayahan.

Micheal dan Micheal (1969),telah mengkaji hubungan prestasi pelajar dengan masa yang diperuntukkan kepada mereka menjawab soalan. Mereka ingin melihat, sama ada wujudnya hubungan yang singnifikan antara taraf prestasi pelajar dengan masa yang lebih dari peruntukan masa sebenarnya dalam peperiksaan kecapaian jenis pemarkahan aneka pilihan. Antara penemuannya yang dilaporkan ialah:

i) kurangnya hubungan antara taraf prestasi pelajar dengan masa yang diperuntukkan.

ii) Tidak ada hubungan antara prestasi pelajar dengan masa yang diperuntukan untuk ujian.

iii) Perbezaan masa yang diambil oleh pelajar tidak mempunyai hubungan dengan prestasi mereka.

Kajian di atas menunjukkan bahawa peruntukan masa bagi sesuatu ujian itu tidaklah begitu mempengaruhi prestasi pelajar dalam sesuatu ujian.

2.6.5 Kajian Arahan Kepada Calon Ujian

Arahan menjawab soalan yang terdapat dalam ujian juga mempengaruhi prestasi pengambil ujian. Traub, Humbleton dan Singh (1969) telah membuat kajian untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membandingkan kesan daripada dua jenis arahan menjawab soalan yang diberikan kepada pengambil ujian; pertama, dengan memberi markah tambahan sekiranya mereka meninggalkan soalan yang mereka tidak dapat menjawabnya, dan kedua, dengan memberi arahan bahawa markah akan ditolak sekiranya jawapan mereka itu salah. Kajian mereka itu telah dapat menunjukkan arahan yang mengandungi pemberian markah itu telah menghasilkan sedikit sahaja jawapan yang salah kerana banyak soalan yang ditinggalkan. Kebolehpercayaan tinggi daripada ujian yang mengandungi amaran di mana markah akan ditolak sekiranya jawapan mereka salah.

Wood (1960), pula telah membuat eksperimen mengenai isi arahan dalam sesuatu ujian itu. Beliau ingin mengetahui, sama ada sebahagian daripada pelajar sebenarnya boleh menjawab lebih baik, atau tidak daripada arahan yang mengandungi memberi markah tambahan dengan arahan yang mengandungi amaran tolak markah, atau dengan arahan yang menggalakkan mereka cuba menjawab seberapa banyak soalan yang mereka boleh.

Daripada penemuan yang diperoleh, Wood telah membuat kesimpulan arahan yang menggalakkan mereka menjawab semua soalan lebih berfaedah bagi pengambil ujian.

Traub dan Humbleton (1969), membuat satu kajian mengenai perkara yang sama, iaitu lanjutan daripada kajian yang mereka telah jalankan. Mereka mengadakan dua ujian, iaitu ujian perbendaharaan kata dan ujian hisab. Hasilan yang mereka peroleh daripada kajian ini adalah serupa dengan hasil yang mereka peroleh daripada kajian awal mereka. Arahan yang mengandungi pemberian markah tambahan adalah lebih efektif dari segi menggalakkan pelajar meninggalkan soalan sekiranya mereka tidak dapat menjawab,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jika dibandingkan dengan arahan yang mengandungi amaran tolak markah. Di samping itu, kebolehpercayaan markat yang diperoleh daripada ujian yang mengandungi arahan yang memberi markah tambahan lebih tinggi daripada ujian yang mengandungi amaran tolak markah. Arahan yang mengandungi arahan tolak markah adalah arahan yang baik bagi menggelakkan pelajar meneka jawapan dalam butiran aneka pilihan. Sementara itu, arahan jenis memberi markah tambahan dan menggalakkan pelajar cuba menjawab semua soalan adalah lebih boleh dipercayai.

2.6.6 Kajian Suasana Ujian

Faktor mempengaruhi kebolehpercayaan ujian itu adalah suasana semasa ujian dijalankan. Ini termasuklah keadaan fizikal bilik di mana ujian dijalankan, suasana persekitaran semasa pentadbiran ujian dijalankan dan arahan umum yang diberikan kepada calon ujian.

Ingle dan Amico (1969), melaporkan kajian yang dibuat oleh Taxler dan Hilkent (1942) berhubung kesan jenis meja yang digunakan, iaitu yang duduk di kerusi dan yang duduk di meja. Daripada 7 kali eksperimen yang dijalankan, kesemuanya menunjukkan min markah bagi kumpulan yang duduk di meja lebih tinggi daripada yang duduk di kerusi.

Ingle dan Amico (1969) juga melaporkan penemuan Andrea (1966) yang membuat kajian mengenai tiga teknik pentadbiran ujian, iaitu bagi ujian berkelompok. Hasil ujian telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan markat yang diperoleh oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar sekolah tinggi, sekiranya mereka menerima arahan melalui pembesar suara atau melalui penjaga peperiksaan yang terlatih atau melalui guru bilik darjah.

Hopkin, lefever dan Hopkins (1969) telah membuat kajian mengenai pentadbiran ujian tara yang dijalankan oleh guru dan yang satu lagi dijalankan melalui peti televisyen. Mereka telah melaporkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan di antara 2 teknik pentadbiran ujian tersebut.

Untuk melihat pengaruh fizikal, tempat ujian dijalankan terhadap markat ujian tara, Ingle dan Amico (1969), telah membuat eksperimen terhadap 384 orang pelajar. Ujian tersebut dijalankan di dalam auditorium dan di dalam bilik darjah yang mempunyai suasana fizikal yang agak lengkap. Eksperimen itu menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan disebabkan oleh keadaan fizikal di mana ujian itu dijalankan.

Daripada penemuan yang diperoleh pengkaji yang , nyatalah keadaan fizikal serta teknik pentadbiran bukanlah merupakan angkubah yang mempengaruhi prestasi pelajar dengan signifikan dalam ujian pencapaian.

2.6.7 Kajian Kemahiran Bahasa

Dalam ujian pencapaian bahasa atau dalam sebarang jenis ujian bahasa, masalah yang timbul adalah penentuan pemilihan peringkat kemahiran bahasa yang diuji bagi menentukan kecekapan bahasa seseorang calon ujian. Di samping itu, pemilihan contoh kemahiran bahasa daripada keseluruhan kemahiran bahasa juga merupakan satu masalah.

Scherer dan Wertheimer (1964), mempersoalkan sama ada sesuai atau tidak kefasihan bahasa itu mengandungi empat kemahiran berbeza atau kemungkinan enam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran, yakni termasuk terjemahan bahasa kedua kepada bahasa pertama dan sebaliknya. Mereka mengatakan, sebenarnya pembahagian kemahiran bahasa kepada mendengar, bertutur, membaca, dan menulis telah berakar umbi dalam dunia guru bahasa. Mereka berpendapat bahawa kemungkinan kajian empirikal boleh dilakukan, untuk melihat faktor kemahiran bahasa yang sama dalam kefasihan bahasa tanpa membahagikan kemahiran bahasa itu terlebih dahulu ke dalam kategori mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Dalam hal ini, untuk menentukan sama ada kandungan bahan ujian itu dapat mengukur kefasihan keseluruhan bahasa, dan bukan bahagian tertentu sahaja, *"Department of Educational and Psychological Research School of Education", di Malmo, Sweden*, telah menjalankan kajian mengenainya dalam projek UMT (*UMT : Undervisningsmetodik tysha – Kaedah mengajar bahasa Jerman).* Ujian bagi eksperimen pertamanya adalah mengandungi aspek-aspek mendengar, kefahaman membaca, menulis, bertutur, menterjemah, perbendaharaan kata, penyebutan, kefasihan dan kecerdasan. Keputusan daripada eksperimen pertamanya menunjukkan:

i) bahawa kefasihan bahasa dapat dilihat sebagai unit yang saling melengkapi antara satu sama lain dan saling pertalian antara bahagian ujian itu adalah tinggi.

ii) Ada empat faktor utama yang singnifikan yang menjadi pusat kepada kemahiran bahasa (kefasihan bahasa) iaitu pengetahuan serta kefasihan bertutur, kefasihan dalam perbendaharaan kata, dan struktur adalah merupakan faktor utama dalam kefasihan bahasa.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh Asmah Hj. Omar (2002), dalam kefasihan bahasa dan mengakui bahawa faktor perbendaharaan kata, tatabahasa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecerdasan (kefahaman) dan penyebutan masih belum cukup untuk menggambarkan kefasihan menyeluruh bahasa seseorang dan ini memerlukan kajian empirikal yang lain.

2.7 Kerangka Konseptual

Berdasarkan pandangan, pendapat dan kajian pengkaji luar negara dan dalam negara tentang ujian kemahiran mendengar, pengkaji mengemukakan kerangka konseptual pada rajah 2.4.

Rajah 2.4

Kerangka Konseptual



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sukatan pelajaran BM tingkatan satu sebagai panduan utama membina set ujian kemahiran mendengar. Aspek yang diuji meliputi puisi, kefahaman mendengar, penanda wacana, simpulan bahasa, penjodoh bilangan, analisis ayat, penggunaan imbuhan, kata ganda, ganti nama diri, kata sendi, perkataan berlawan dan perkataan seerti.

Apabila aspek yang diuji ditetapkan, pengkaji menggunakan aras kognitif Bloom. Aras yang dipilih ialah aras pengetahuan, kefahaman, dan aplikasi. Tiga aras ini merupakan aras yang sesuai peringkat pelajar tingkatan satu.

Prosedur atau ciri pembinaan ujian yang baik sebagai panduan pembinaan ujian kemahiran mendengar. Prosedur atau ciri pembinaan ujian yang baik ialah mempunyai kesahan yang tinggi, kebolehpercayaan, keobjektifan, kekomprehensifan, kemudahtadbiran, format ujian, kepayahan penyusunan butiran, peruntukan masa, arahan kepada calon, dan suasana ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah ujian kemahiran mendengar digubal, indeks kesukaran setiap soalan dan keseluruhan soalan dicari dan indeks dikriminasi setiap soalan juga dicari berdasarkan formula yang dikemukakan di bab tiga.

2.8 Rumusan

Dalam pembinaan ujian, item berikut haruslah digunakan secara bersepadu:

i) kebolehpercayaan format ujian dan bilangan butiran khasnya bagi ujian aneka pilihan.

ii) Kelebihan format ujian, khasnya daripada segi praktiknya.

iii) Kesahan ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan kajian di atas menunjukkan :

i) Format ujian jenis aneka pilihan dapat menghasilkan kebolehpercayaan yang tinggi dan dapat mengurangkan masalah praktiknya.

ii) Format ujian jenis aneka pilihan dapat mengukur jenis aneka pilihan dengan tepat kemahiran yang hendak diuji dan dapat menjamin kesahannya.

iii) 3 pilihan jawapan dapat menghasilkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk ujian mendengar.

iv) Sungguhpun susunan butiran mengikut kepayahan tidak mempengaruhi prestasi pelajar, namun seberapa boleh susunan dari mudah ke payah elok dilakukan, bertujuan mengurangkan perasaan bimbang pelajar dalam menghadapi ujian.

v) Arahan yang terdapat dalam alat ujian di mana pelajar digalakkan cuba menjawab semua soalan terbukti mempunyai kelebihan.

vi) Suasana dan keadaan fizikal semasa ujian dijalankan tidak mempengaruhi prestasi pelajar.

vii) Faktor kemahiran bahasa yang dapat menggambarkan secara menyeluruh bahasa seseorang itu masih belum ditemui. Sungguhpun demikian, kajian di atas menunjukkan bahawa faktor kemahiran bahasa seperti kefahaman membaca petikan karangan (perbendaharaan kata) dan tatabahasa (morfologi dan sintaksis) lazim diuji di dalam ujian bahasa. Faktor bahasa ini dapat menggambarkan sedikit sebanyak kefasihan menyeluruh bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini memperkatakan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi ini dibahagi empat iaitu bahagian pertama menghuraikan kaedah kajian, bahagian kedua menghuraikan populasi kajian, bahagian ketiga menghuraikan prosedur pengumpulan data dan bahagian keempat prosedur menganalisis data. Perbincangan dalam bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

3.2 Kaedah Kajian

Untuk penulisan ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan, iaitu membuat rujukan terhadap penulisan ilmiah, jurnal, makalah, dan buku yang berkaitan. Bahan yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis dan disusun atur bersesuaian dengan tujuan penulisan ini. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lumpur, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia,Perpustakaan Awam Tun Abdul Razak, Ipoh, Perak, Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Awam Tapah, Perak Darul Ridzuan.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Memandangkan populasi melibatkan jumlah, masa dan tenaga yang banyak maka pengkaji memilih persampelan rawak atau sampel kajian rawak. Pengkaji memilih 45 orang murid Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Kebangsaan Hamid Khan, 35000 Tapah, Perak Darul Ridzuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Berdasarkan Jadual Penentuan ujian yang dibina, pengkaji menggubal 50 item soalan berdasarkan tajuk atau kemahiran yang ditetapkan. Di samping itu, soalan yang dibina juga mengikut aras kesukaran yang ditentukan.

Pengkaji memilih 45 orang murid dari Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Kebangsaan Hamid Khan, 35000 Tapah, Perak Darul Ridzuan untuk menguji soalan yang dibina. Tujuan soalan itu ditadbirkan ialah untuk melihat indeks kesukaran dan indeks diskriminasi item-item soalan tersebut. Ini penting untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soalan-soalan yang dibina tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Prosedur Semasa Penggubalan atau Pembinaan Item Ujian Mendengar

Pertimbangan tertentu dalam merancang pembinaan sesuatu ujian penting. Antara pertimbangan awalnya ialah Mengapa ujian itu diadakan?, Apa jenis ujian yang sesuai digunakan?, Bila ujian itu akan diadakan ? dan Berapa lama masa ujian tersebut?.

Setelah pertimbangan awal diteliti, penggubal harus membuat rujukan dan penganalisisan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM, buku-buku teks pegangan dan buku-buku rujukan terpilih. Setelah menentukan kemahiran-kemahiran yang ingin diuji, penggubal seharusnya membuat satu Jadual Penentuan Ujian. Melalui Jadual Penentuan Ujian ini, penggubal boleh menentukan pemberatan soalan, iaitu dari segi bilangan soalan bagi setiap kandungan serta aras kemahiran, jenis soalan, panjang masa ujian, jumlah butiran dalam sesuatu instrumen ujian dan aras kesukarannya.

Dalam merangka item soalan, penggubal soalan juga menggunakan aras domain kognitif Bloom, iaitu aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Pemeringkatan ini dapat membantu menyebarkan soalan secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada satu peringkat sahaja.

Jadual Penentuan Ujian Kemahiran mendengar seperti Jadual 3.1 :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

JADUAL 3.1

JADUAL PENENTUAN UJIAN KEMAHIRAN MENDENGAR

BIL.	TAJUK (Sukatan Pelajaran)	ARAS KEMAHIRAN						JUMLAH
		1	2	3	4	5	6	
1.								
2.								
3.								
4.								
5.								

Penggubal soalan juga seharusnya peka kepada prinsip dan ciri pembinaan item soalan yang baik. Sesuatu item soalan yang baik seharusnya mempunyai kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan iaitu bebas daripada pertimbangan yang subjektif, mudah ditadbir, mudah dianalisis, serta memenuhi kehendak dan kriteria yang diperlukan bagi sesuatu ujian.

Semasa membina item soalan , penggubal perlu mematuhi peraturan menulis item, iaitu berikan satu masalah yang tepat dalam pokok soalan (stemp), pastikan setiap pilihan jawapan yang disediakan (alternatif) berkaitan dengan pokok soalan, pastikan satu soalan hanya mempunyai satu jawapan betul, jangan guna ayat berbentuk ambuguiti, pastikan jawapan bagi setiap item adalah bebas daripada penerangan dalam item yang lain, jangan masukkan penerangan tidak perlu dalam pokok soalan dan pilih pengganggu yang nampak serupa. Jika soalan itu berkehendakkan murid menjawab yang salah maka jadikan pilihan jawapan itu dalam bentuk positif. Akhirnya elakkan daripada pembinaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengganggu yang bermaksud "keduanya benar", "Keduanya bukan", atau "Tiada jawapan", "Semuanya di atas", dan lain-lain. Jika dapat, susunlah pengganggu secara logis atau secara rawak (random).

3.4.2 Pembinaan Set Ujian Kemahiran Mendengar

Pengkaji membina satu set ujian kemahiran mendengar sebanyak 50 item soalan. Bentuk soalan yang dipilih ialah jenis soalan aneka pilihan dengan 3 pilihan jawapan. Soalan yang digubal adalah berdasarkan Jadual Penentuan Ujian yang dibina. Antara topik atau kemahiran yang diuji ialah menjawab soalan dari bunyi yang diperdengarkan, menjawab soalan dari petikan yang diperdengarkan, menjawab soalan puisi yang diperdengarkan, serta menjawab soalan tatabahasa merangkumi penanda wacana, simpulan bahasa, penjodoh bilangan, analisis ayat, imbuhan, kata ganda, ganti nama diri, kata sendi, perkataan berlawan, dan perkataan seerti

3.5 Prosedur Menganalisis Data

Dalam menganalisisan data, pengkaji melihat kekerapan murid menjawab dengan betul setiap item soalan yang dibina. Apabila data kekerapan ini diperoleh maka pengkaji mencari indeks kesukaran dan indeks diskriminasi setiap item soalan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Indeks Kesukaran dan Indeks Diskriminasi

Soalan yang digubal, kemudiannya diuji kepada 45 pelajar Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Kebangsaan Hamid Khan, Tapah, Perak Darul Ridzuan. Tujuan utama set ujian ini ditadbirkan adalah untuk mencari indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi setiap item soalan yang dibina.

3.5.1.1 Indeks Kesukaran

Berdasarkan formula di bawah, indeks kesukaran bagi setiap item yang dibina adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.2.

FORMULA :

$$FV = \frac{\text{Jumlah Pelajar Yang Betul}}{N}$$

N = Jumlah Keseluruhan Pelajar yang ambil ujian

FV = Indeks Kesukaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Jadual Indeks Kesukaran

Item	Jumlah Jawapan Yang Betul	Indeks Kesukaran
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		
12		
13		
14		
15		
16		
17		
18		
19		
20		
21		
22		
23		
24		
25		
26		
27		
28		
29		
30		
31		
32		
33		
34		
35		
36		
37		
38		
39		
40		
41		
42		
43		
44		
45		
46		
47		
48		
49		
50		
JUMLAH		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Indeks Kesukaran Keseluruhan:

Untuk mencari indeks kesukaran keseluruhan, formula di bawah digunakan.

FORMULA :

$$\text{Indeks Kesukaran Keseluruhan} = \frac{KS}{JB}$$

KS = Jumlah Indeks Kesukaran Keseluruhan

JB = Jumlah Item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Indeks kesukaran keseluruhan item soalan menunjukkan item soalan tersebut berada pada aras 'senang, sederhana atau susah'. Indeks kesukaran keseluruhan juga menentukan sama ada item soalan ini boleh diterima sebagai item soalan yang sesuai atau tidak bagi kumpulan yang mengambil ujian ini.

3.5.1.2 Indeks Diskriminasi

Untuk menjalankan analisis indeks diskriminasi, beberapa langkah perlu dibuat terlebih dahulu bagi memudahkan penganalisisan. Antara langkah yang perlu diambil ialah:

1. Susun semua markat ujian mengikut markat tertinggi di atas menurun ke markat terendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Pilih peratusan kertas jawapan tertinggi dan terendah berasaskan jumlah pelajar yang mengambil ujian. Contoh, ambil 20% atau 30% daripada kumpulan markat tersebut dan bentuk dua kumpulan. Kumpulan A untuk kumpulan markat tertinggi dan kumpulan B untuk markat terendah.

Contoh: Katakan seramai 45 orang pelajar mengambil ujian dan markat kesemua pelajar telah disusun mengikut susunan markat tertinggi menurun ke markat terendah. Peratusan yang hendak di ambil ialah 30% bagi kumpulan A dan 30% bagi kumpulan B.

$$= \frac{30}{100} \times 45 = 13.5 \text{ @ } 14 \text{ orang}$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian pilih Kumpulan A (Kumpulan Markat Tertinggi) – Kedudukan 1 hingga 14 dan Kumpulan B (Kumpulan Markat Terendah) – Kedudukan 32 hingga 45. Jadual Senarai Pelajar Mengikut Pencapaian seperti berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 Senarai Pelajar Mengikut Pencapaian
(Jumlah Pelajar : 45 orang)

PELAJAR	MARKAT MENTAH	
PI		Kumpulan Atas (30%)
P2		
P3		
P4		
P5		
P6		
P7		
P8		
P9		
P10		
P11		
P12		
P13		
P14		
P15		Kumpulan Sederhana (40%)
P16		
P17		
P18		
P19		
P20		
P21		
P22		
P23		
P24		
P25		
P26		
P27		
P28		
P29		
P30		
P31		
P32		Kumpulan Bawah (30%)
P33		
P34		
P35		
P36		
P37		
P38		
P39		
P40		
P41		
P42		
P43		
P44		
P45		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada senarai yang diperlukan untuk analisis ini, Jumlah Kumpulan Atas (A) seramai 14 orang dan Kumpulan Bawah (B) seramai 14 orang. Langkah seterusnya, masukkan jumlah pelajar yang menjawab betul setiap item Kumpulan Atas dan untuk Kumpulan Bawah. Berdasarkan formula diberi berikut adalah indeks diskriminasi bagi setiap item soalan.

FORMULA :

$$ID = \frac{KA - KB}{n}$$

ID = indeks Diskriminasi

KA = Kumpulan Atas (Tinggi)

KB = Kumpulan Bawah (Rendah)

n = Bilangan dalam Kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

